

Lampiran 2

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS

Pemilihan Artikel

Jurnal Penyelidikan Pendidikan MICSS merupakan jurnal dalam talian yang mengamalkan *double blind peer-review*. Berikut adalah kriteria dan prosedur pemilihan artikel.

1. Kriteria

Manuskrip yang memenuhi kriteria berikut akan dipertimbangkan oleh sidang pengarang untuk diterbitkan.

1.1 Skop

Jurnal ini menyambut baik laporan penyelidikan mengenai sistem pendidikan MICSS seperti Matlamat Pendidikan, Reka Bentuk Kurikulum, Kandungan Kurikulum, Pelaksanaan Kurikulum, Penilaian Kurikulum, dan Pengurusan Kurikulum. Maklumat lanjutan boleh merujuk kepada [Lampiran 1, Panggilan Kertas Kerja](#).

1.2 Kandungan

Kertas penyelidikan original dengan penemuan empirikal. Kedua-dua kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif adalah diterima. Sementara itu, hasil kajian juga memberikan implikasi dan cadangan yang signifikan kepada pendidikan MICSS.

1.3 Format

Pembentangan manuskrip hendak memenuhi format jurnal ini. Sila rujuk [Lampiran 4, Templat Penghantaran Manuskrip](#). Jumlah perkataan kandungan tidak boleh melebihi 10,000 patah perkataan. Rujukan lengkap mesti dilampirkan.

1.4 Objektif


Manuskrip hendaklah mempunyai objektif kajian yang lengkap dengan perbincangan yang ringkas. Manuskrip harus dapat difahami oleh khalayak intelektual umum. Penggunaan istilah khas dan istilah teknikal hendaklah dikurangkan. Berikan nota penjelasan sekiranya istilah teknikal tidak dapat dielakkan.

2. Penolakan

Antara sebab manuskrip tidak diterima untuk diterbitkan termasuklah topik atau bidang kajian tidak berkaitan dengan pendidikan MICSS, bukan penyelidikan empirikal tetapi perbincangan tinjauan teori atau literatur, data asal tidak dibentangkan, kandungan tidak memberikan implikasi atau cadangan, manuskrip tidak memenuhi syarat format jurnal, dan tujuan penelitiannya tidak tepat, isinya panjang, dan teksnya sukar difahami. Manuskrip yang tidak diterima akan dikembalikan kepada pengarang dengan secepat mungkin.

3. Prosedur Pemilihan Artikel

Semua manuskrip yang dihantar akan melalui prosedur pemilihan berikut;



3.1 Manuskrip yang tidak memenuhi syarat akan dikembalikan kepada pengarang secepat mungkin, supaya pengarang dapat menghantar manuskrip ke jurnal lain yang lebih sesuai.

3.2 Manuskrip yang memenuhi syarat akan ke proses *blind peer-reviewed*. Sekiranya manuskrip mempunyai masalah pemformatan, pengarang diminta untuk menyemak formatnya semula sebelum ke proses *blind peer-reviewed*.

3.3 Jurnal ini menggunakan kaedah *double-blind peer-review*, iaitu penyemak atau pengarang tidak mengetahui identiti sesama sendiri.

3.4 Penerimaan manuskrip hendaklah mendapat persetujuan daripada kedua-dua penyemak. Iaitu, apabila terdapatnya pendapat yang bercanggah antara kedua-dua penyemak, pendapat penyemak ketiga akan dirujuk untuk membuat keputusan. Tidak kira sama ada manuskrip ditolak atau diterima, pengarang akan diberitahu sebaik sahaja keputusan penyemak diperoleh.

3.5 Manuskrip yang diterima akan ke proses semakan, peyuntingan, dan penterjemahan. Pengarang perlu menyemak semula manuskrip tersebut berdasarkan komen penyemak. Sekiranya pengarang tidak dapat mengedit manuskrip yang disemak dalam masa yang ditetapkan, keadaan ini bersamaan dengan pengarang menarik diri untuk penerbitan manuskrip tersebut.

3.6 Selepas semakan manuskrip, penyunting akan membuat semakan yang terakhir dengan pengarang, kemudian ke proses penyusunan teks setelah semua syarat dipenuhi.